

Soalan No: 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH : 8.8.2017

SOALAN :

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jika ada usaha untuk mengkaji apakah punca kepada gejala buli yang semakin tidak terkawal di kalangan pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius terhadap gejala buli melibatkan murid di sekolah. Antara faktor-faktor berlaku salah laku disiplin termasuk kes buli dalam kalangan murid adalah seperti berikut:

- i. murid berasal daripada keluarga yang bermasalah. Peniruan gaya hidup dalam keluarga itu sendiri yang ada unsur-unsur buli serta kurang mendapat didikan agama dan pengawasan keluarga;

- ii. peribadi murid itu sendiri yang mempunyai watak panas baran, terlampau aktif, sikap egoistik, dendam kerana pernah dibuli, kecelaruan gender, konsep sendiri yang lemah, kecacatan, dan gila *glamour*. Saiz badan yang besar juga menimbulkan rasa keegoan untuk membuli rakan yang bersaiz kecil serta mahukan pengiktirafan rakan sebaya;
- iii. murid juga terpengaruh dengan rancangan bercorak keganasan, bahan berunsur negatif melalui internet, media cetak, dan permainan video yang menjurus kepada keganasan; dan
- iv. murid tinggal atau berada dalam komuniti tidak prihatin, institusi masyarakat yang lemah, dan ikatan kehiranan yang longgar.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

166

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN
OTHMAN [NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 61

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan statistik terkini tuisyen
percuma Tuisyen Rakyat @ KKLW termasuk bilangan
pusat tuisyen mengikut negeri, peserta dan
bagaimana keberkesanan pelaksanaan program ini.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah B40 (bawah RM3,500) di luar bandar melalui Program Tuisyen Rakyat@KKLW.

Pelaksanaan Tuisyen Rakyat@KKLW bermula pada tahun 2016 dan berkonsepkan *Community Social Responsibility* (CSR) oleh agensi pelaksana iaitu dengan menggunakan peruntukan dalaman Jabatan/Agensi masing-masing untuk menjayakan pelaksanaan program ini.

Program yang memfokuskan calon-calon peperiksaan UPSR dan SPM ini memberi tumpuan kepada mata pelajaran teras melalui kelas bimbingan tambahan percuma yang dilaksanakan melalui kerjasama agensi-agensi pelaksana di bawah Kementerian seperti Yayasan Pelajaran MARA (YPM), RISDA, FELCRA, KESEDAR, KETENGAH, KEJORA, KEDA dan JAKOA.

Sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 526 pusat tuisyen telah beroperasi dan seramai 24,096 pelajar telah terlibat di dalam pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat@KKLW di seluruh negara. Pecahan pusat tuisyen dan pelajar mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL. PUSAT	BIL. PELAJAR
Perlis	7	325
Kedah	50	1,237
Kelantan	74	2,823
Terengganu	48	1,766
Pulau Pinang	11	760
Perak	61	2,961
Pahang	49	1,843
Selangor	28	2,211
WP Labuan	1	100
Negeri Sembilan	28	1,134
Melaka	11	545
Johor	83	5,161
Sabah	40	1,960
Sarawak	35	1,270
JUMLAH	526	24,096

169

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat@KKLW telah berjaya meningkatkan prestasi akademik mata pelajaran teras pelajar-pelajar yang terlibat iaitu peningkatan sebanyak 19.97 peratus (%) bagi pelajar-pelajar peringkat SPM dan 4.1 peratus (%) bagi pelajar-pelajar peringkat UPSR berdasarkan perbandingan keputusan peperiksaan percubaan dan peperiksaan sebenar.